

PM puas hati dengan maklum balas

14/11/01

(P)

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, puas hati dengan maklum balas positif daripada rakyat kepada wawasan beliau hendak menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

"Setiap orang ingin tahu apakah sumbangan yang mereka boleh mainkan untuk mencapai matlamat itu," katanya kepada pemberita di rumah terbukanya di Sri Perdana, semalam.

Perdana Menteri berkata beliau yakin matlamat itu boleh dicapai jika rakyat bekerja keras ke arah pencapaiannya.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan hanya boleh memberi panduan ke arah mencapai matlamat itu dan juga bersedia mendengar pandangan daripada semua sektor bagaimana cara untuk mencapai tujuan itu.

"Idea saja tidak akan mencapai apa-apa, tetapi kerja yang kita lakukan yang akan mempunyai ke-

san," katanya.

Ditanya mengenai isu Palestin, beliau berkata rakyat Palestin mempunyai hak sendiri untuk memilih pemimpin mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Israel tidak mempunyai hak untuk menentukan pemimpin untuk rakyat Palestin.